

25 MAY 2003

Fong-Pekerjaan

SKIM LATIHAN KEPADA 10,000 SISWAZAH MENGGANGGUR

MELAKA, 25 Mei (Bernama) -- Kementerian Sumber Manusia akan mengadakan skim latihan kepada 10,000 siswazah menggugur menerusi peruntukan sebanyak RM100 juta bagi memenuhi tuntutan pasaran pekerjaan.

Menteri Sumber Manusia Datuk Dr Fong Chan Onn berkara RM100 juta itu diluluskan menerusi pakej strategi baru ekonomi bernilai RM7.3 bilion untuk memantapkan pertumbuhan ekonomi negara seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Rabu lepas.

" Selain itu sebanyak RM500 juta disediakan sebagai tambahan kepada tabung pembangunan kemahiran yang memberikan peluang untuk mengikuti kuus-kursus kemahiran," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pesta Pekerjaan Melaka 2003 di Mahkota Parade di sini hari ini.

Fong berkata kerajaan bimbang ramai lepasan siswazah yang akan menghadapi masalah pekerjaan kerana masalah ekonomi yang dihadapi ketika ini berikutan kesan pencerobohan di Iraq dan Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Katanya latihan kepada siswazah menggugur adalah untuk membimbing mereka menjalani latihan semula bagi kemudahan mendapat pekerjaan terutama dalam meningkatkan bahasa Inggeris dan berinteraksi.

"Mereka ini (siswazah menggugur) sukar mendapat pekerjaan kerana terdiri daripada lepasan kursus sastera sedangkan permintaan pekerjaan adalah untuk yang mempunyai kemahiran tertentu dan bidang teknologi maklumat dan komunikasi," katanya.

Beliau berkata sebagai contoh daripada 1,400 peserta kalangan siswazah yang mendaftar pada pesta pekerjaan hari ini hanya 10 orang yang berjaya mendapat pekerjaan.

Siswazah yang menjalani latihan di bawah kementerian akan dibayar elauns RM500 sebulan serta pembiayaan ke atas kursus kemahiran yang dijalani.

Beliau berkata para siswazah boleh menceburi banyak peluang pekerjaan lain tetapi memerlukan kreativiti serta berusaha sendiri seperti sebagai ejen hartanah, bidang insurans atau pemasaran.

Pesta dua hari itu disertai hampir 30 majikan di negeri ini meliputi antaranya sektor pembuatan, perhotelan, perkhidmatan, pembinaan dan insurans yang menawarkan lebih 2,000 peluang pekerjaan.

-- BERNAMA

NO RON